

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. PROF. DATUK Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
JELITA@KPT SUMMIT**



اوپیزرمیتی تکنیکل ملیسیا ملاک

---

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Terima kasih saudara dan saudari pengacara majlis

## **SALUTASI**

-Seperti di lampiran

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini sempena dengan Majlis Perasmian Penutup JELITA@KPT Summit.

2. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada YAB Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri kerana sekali lagi sudi hadir ke Melaka dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Ini merupakan satu sejarah kerana bagi tahun 2024, YAB Datuk Seri Utama Timbalan Perdana Menteri telah hadir dua kali ke UTeM di mana kali pertama adalah sewaktu Majlis Perasmian TVET Place & Train UTeM@KPT pada 16 Januari yang lalu.

3. Sesungguhnya kehadiran YAB Datuk Seri Utama adalah amat bermakna kepada kami di UTeM dan MTUN kerana JELITA merupakan satu inisiatif yang sentiasa mendapat sokongan daripada YAB. Datuk Seri Utama sejak dari penubuhannya

sehingga kepada proses pelaksanaan. Dan Alhamdulillah pada hari ini kita berjaya menganjurkan satu lagi program JELITA iaitu JELITA@KPT Summit sebagai penutup bagi tahun 2024. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada YAB Datuk Seri Utama.

4. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga kepada YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka yang sentiasa bersemangat dalam menjayakan agenda TVET di Melaka. YAB Ketua Menteri Melaka sentiasa mencetuskan kerjasama strategik serta membantu dalam menghubungkan UTeM bersama dengan industri TVET di Melaka. Semoga di bawah pimpinan YAB Datuk Seri Utama, Melaka akan terus berdaya maju dan mempelopori industri berdasarkan TVET.

5. Tidak lupa juga kepada YB. Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi, tetamu kehormat serta hadirin dan hadirat sekalian di atas kesudian untuk meluangkan masa bersama-sama dengan warga UTeM dalam Majlis ini.

## **TUJUAN PENGANJURAN JELITA@KPT SUMMIT**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

6. JELITA@KPT Summit dianjurkan untuk **memberi peluang kepada graduan dan pelajar terutama wanita dalam meningkatkan kemahiran teknikal dan insaniah yang relevan dengan keperluan industri semasa.** Program ini bertujuan untuk memantapkan kemahiran insaniah seperti komunikasi, kepimpinan, dan penyelesaian masalah yang menjadi atribut utama dalam menentukan kejayaan pelajar dan graduan untuk menempatkan diri dalam industri.
7. Matlamat ini secara langsung akan dapat **meningkatkan daya saing universiti dengan menghasilkan graduan yang lebih holistik dan bersedia untuk keperluan pasaran pekerjaan.**
8. Bukan itu sahaja, program ini juga bertujuan untuk **memberi peluang kepada graduan dan pelajar terutama wanita untuk meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang.** Melalui pengisian Wacana Ilmu, kita telah menjemput tokoh-tokoh yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing seperti Dr. Soo Wincci (Selebriti dan Profesor Adjung di Multimedia University), Datin Noryana Najwa Dato' Sri Mohd Najib (Ahli

Lembaga Pengarah Matrade & RISDA Ventures), Mr. Teoh Jiun Ee (Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Akademi CARSOME) dan lain-lain lagi untuk berkongsi pengalaman kepada pelajar dan graduan.

9. Sesi ini dianjurkan bertujuan untuk **memperkuatkan kedudukan universiti sebagai pusat latihan yang inklusif dan menyumbang kepada penglibatan wanita dalam pelbagai industri kritikal** secara tidak langsung dapat meningkatkan kapasiti individu dan membuka peluang untuk mempertingkatkan tahap sosioekonomi keluarga.

10. Selain itu, program ini juga turut bertujuan untuk **menyokong graduan TVET mendapat gaji premium melalui pensijilan berdasarkan keperluan industri**. Untuk makluman semua, menurut *Graduates Reference Hub for Employment and Training*, kadar kebolehpasaran graduan TVET bagi tahun 2023 adalah 94.5%. Walaubagaimanapun kadar graduan bergaji premium adalah kurang daripada 10%.

11. Melalui penganjuran program ini, UTeM dan MTUN berharap bahawa **kadar graduan bergaji premium dapat dipertingkatkan melebihi 15%** seterusnya dapat memperkuat imej universiti sebagai institusi yang responsif kepada permintaan industri serta

meningkatkan reputasi graduan TVET sebagai tenaga kerja bernali tinggi.

## **JELITA**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

12. Seperti yang semua sedia maklum, inisiatif JELITA ini telah dilancarkan pada 3 Ogos 2023 di Pusat Perdagangan Antarabangsa Kuala Lumpur (WTC). Bukan itu sahaja, UTeM juga telah mengambil inisiatif dalam menubuhkan JELITA Akademi TVET Wanita@UTeM yang memberi penekanan terhadap program-program pensijilan dan juga pembangunan kemahiran bukan sahaja di kalangan pelajar dan graduan, tetapi juga kepada orang awam yang berminat.

13. Sepanjang tahun 2024 ini pelbagai program dianjurkan dan program latihan dijalankan. Antaranya adalah Kursus Personal Data Protection, Kursus TVET Train the Trainer, Kursus Pensijilan Professional Artificial Intelligence dan lain-lain lagi. Bagi tahun ini sahaja, **sebanyak 1,000 latihan pensijilan advanced TVET telah dijalankan melibatkan pelajar UTeM dan juga orang awam.**

**14.Untuk JELITA@KPT Summit ini sahaja lebih 100 program pensijilan advanced TVET telah dilaksanakan dalam fasa 1 yang berpusat di 4 pusat latihan iaitu UTeM, UTHM, UniMAP dan UMPSA. Segala program ini adalah selaras dengan inisiatif pembangunan TVET seperti yang telah diwar-warkan sewaktu TVET Place & Train pada 16 Januari yang lalu.**


**15.Sebagai penutup bagi tahun 2024, JELITA@KPT Summit ini dianjurkan dan disertai oleh lebih 3,000 pelajar dari UMPSA, UNIMAP, UTHM dan UTeM dengan 80% peserta adalah wanita.** Kami percaya bahawa JELITA@KPT Summit ini akan menjadi batu loncatan bagi semua peserta, serta memberi peluang kepada mereka untuk mengembangkan kemahiran dan memperoleh keyakinan diri.

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**16.Bukan itu sahaja, sebanyak lebih 100 industri telah terlibat secara langsung melalui kerjasama penganjuran kursus kemahiran dan pensijilan professional seperti Talentcorp dan PERKESO. Secara tidak langsung, program ini telah berjaya merapatkan hubungan antara universiti dan industri. Usaha ini juga membuka ruang bagi universiti lain untuk mencontohi pendekatan JELITA@KPT Summit dalam memastikan graduan mereka mampu memenuhi permintaan pasaran yang semakin kompleks dan mencabar.**

17.Untuk makluman semua, **hampir 30,000 peluang pekerjaan dijana hasil kerjasama industri sepanjang tahun melibatkan JELITA, MTUN Industrial Playground, dan Career Expo yang telah dianjurkan.** JELITA@KPT Summit ini sahaja telah menawarkan lebih 1,000 peluang pekerjaan secara langsung di mana sebahagian surat tawaran pekerjaan bergaji premium akan diserahkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri kepada wakil pelajar sebentar lagi.

18.Insyaallah dengan sokongan semua, UTeM dan juga MTUN akan sentiasa berusaha dalam memastikan pembangunan TVET dalam memacu ekonomi negara. Usaha ini akan diteruskan pada tahun-tahun yang mendatang.



#### **PENUTUP**

19.Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri kerana sudi hadir pada majlis ini. Kami sentiasa mengharapkan sokongan dan dorongan daripada YAB Datuk Seri Utama dalam memastikan JELITA terus dapat dilaksanakan dengan jaya seterusnya menyumbang kepada pembangunan TVET negara.

20.Tidak lupa juga kepada YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka dan YB. Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd

Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi yang turut hadir bersama pada hari ini.

**Kalau tidak kerana tuan  
JELITA kelam tidak berseri  
Kalau berjodoh di masa hadapan  
Sudi-sudilah bertandang lagi**

21.Ucapan penghargaan juga kepada barisan urusetia yang diketuai oleh Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan juga barisan ahli jawatankuasa yang telah memberikan komitmen yang sangat luar biasa bagi menjayakan program pada hari ini. Sesungguhnya kesungguhan anda semua merupakan satu sumbangan dalam memartabatkan TVET bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di persada antarabangsa.


**Tanjung Tuan airnya tenang,  
Layar berlabuh di Selat Melaka.  
Wanita jelita mahir berdagang,  
Ilmu TVET bekal berjaya.**

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.



اویونسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

---

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA